



MEMO BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)
KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
06-3878412 (Tel) 06-3878073 (Fax)



Ruj. Kami :KUIM/HEPA/UP/07/2019(30)

Tarikh : 2 Oktober 2019
3 Safar 1441H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PERKARA	MAKLUMAN TARIKH PENGOSONGAN RUMSIS DAN KEBERSIHAN RUMSIS
KEPADA	Semua Mahasiswa & Mahasiswi Rumsis
DARIPADA	Pengarah Hal Ehwal Pelajar & Alumni
SALINAN KEPADA :	<ul style="list-style-type: none">➤ Timb. Pengarah HEPA➤ Unit Penempatan➤ Unit Keselamatan➤ Semua Penyelia dan Felo Rumsis

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh peperiksaan akhir semester ialah pada **20 Oktober 2019 (Ahad)**. Sehubungan itu semua pelajar Rumsis **DIWAJIBKAN** untuk mengosongkan Rumsis dan melakukan Proses Penyerahan Rumsis sebelum atau pada **21 Oktober 2019 (Isnin)** dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Penyerahan Rumsis (*sila rujuk Penyelia Rumsis masing-masing*) sebelum pulang bercuti pada akhir semester. Borang yang dilengkapkan perlu mendapat pengesahan dan sila pastikan Rumsis yang diserahkan dalam keadaan bersih serta barang-barang peribadi tidak ditinggalkan di Rumsis.

3. Sehubungan itu, mana-mana pelajar yang tidak mematuhi arahan dan tidak melakukan Proses Penyerahan Rumsis akan didenda merujuk kepada jenis kesalahan yang terkandung dalam Kaedah-kaedah dan Peraturan KUIM (pindaan 2016) seperti berikut :

- i) Saman Rumah dalam keadaan kotor : minima RM 20.00, maksima RM 50.00/seorang
- ii) Gagal Proses Penyerahan Rumsis : RM1.00 Sehari

Perhatian dan kerjasama dari pihak mahasiswa/i saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

“MELAKA BERWIBAWA”

“PINTAR, HIJAU, BERSIH”

“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

(TUAN HJ. BAHAROM BIN SAID)